

**Jurnal Qiraat**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor
2021, VOL 4, Bil 2, Halaman 11-23

Bentuk Dan Kaedah Pelaksanaan Kurikulum Institusi Tahfiz Persendirian Di Negeri Johor

Implementation of Tahfiz Curriculum in Selangor: A Study at MITS Selangor

Abd. Rahman Abd Ghani^{1*}, Mardhiah Yahaya²

¹ Fakulti Sains Kemanusiaan, Jabatan Pengajian Islam, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia.

² Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Jabatan Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Malaysia.

* Corresponding Author: Abd. Rahman Abd Ghani Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, abdrahmanghani@fsk.upsi.edu.my, 0175383840, ORCID iD.

ABSTRACT

Tahfiz al-Quran education is a very developed education in Malaysia. All states across Malaysia have had dozens, even hundreds of tahfiz institutions managed by bodies or individuals privately. This study aims to analyze and identify the implementation of the curriculum, also involves the form and method of curriculum implementation available in these institutions, especially institutions located in the state of Johor. The study data was obtained through a questionnaire instrument distributed to 25 institutions in the state of Johor. Of the total, only 19 forms were returned and that number was analyzed to obtain the percentage of implementation of the private tahfiz curriculum in the state of Johor. The data obtained were processed using Statistical Package for Social Science (SPSS) version 16.0. The findings of the analysis show that the form of the curriculum and the method of implementation of the tahfiz curriculum are at a less satisfactory level of interpretation that is medium low. . Therefore, this study found that there are some specific aspects, especially those involving the form and method of implementation need to be improved so that the curriculum offered is able to produce a generation of knowledgeable, skilled and competitive huffaz.

Keywords

Tahfiz Institution, Private, State of Johor

ABSTRAK

*Pendidikan tahfiz al-Quran merupakan suatu pendidikan yang sangat berkembang di Malaysia. Semua negeri di seluruh Malaysia telah mempunyai berpuluh-puluh, malah beratus-ratus institusi tahfiz yang diuruskan oleh badan-badan atau individu-individu secara persendirian. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan mengenalpasti pelaksanaan kurikulum, juga melibatkan bentuk dan kaedah pelaksanaan kurikulum yang terdapat di institusi-institusi tersebut, khususnya institusi yang terletak dalam negeri Johor. Data kajian diperolehi melalui instrumen borang soal selidik yang diedar kepada 25 buah institusi yang ada di negeri Johor. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 19 borang sahaja telah dikembalikan dan jumlah tersebutlah yang dianalisis bagi mendapatkan peratusan pelaksanaan kurikulum tahfiz persendirian di negeri Johor. Data-data yang diperolehi diproses menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 16.0. Dapatan analisis menunjukkan bahawa bentuk kurikulum dan kaedah pelaksanaan kurikulum tahfiz berada pada tahap interpretasi yang kurang memuaskan iaitu sederhana rendah. Oleh itu, kajian ini mendapati terdapat lagi beberapa aspek tertentu terutamanya yang melibatkan bentuk dan kaedah pelaksanaan perlu diberi penambahbaikan agar kurikulum yang ditawarkan mampu melahirkan generasi huffaz yang berilmu, berketerampilan dan berdaya saing.*

Kata kunci: Institusi Tahfiz, Persendirian, Negeri Johor

1.0 PENDAHULUAN

Pendidikan al-Quran merupakan pendidikan Islam yang pertama di dalam sejarah Islam. Menurut al-Suyuti (1987) menghafaz al-Quran bertujuan untuk menjaga terputusnya jumlah mutawatir golongan yang menghafaz al-Quran dan mengelak daripada usaha-usaha menyelewengkan al-Quran. Abu Najihat (2002) menambah bahawa kepentingan menghafaz al-Quran sampai ke generasi yang seterusnya dengan diriwayatkan oleh sebilangan huffaz yang ramai dan mereka mempunyai sifat-sifat yang amanah sehingga tidak akan berlaku sebarang pendustaan dan pemalsuan terhadap al-Quran. Oleh itu, al-Nawawi (1987) turut menegaskan bahawa hukum menghafaz al-Quran adalah fardhu kifayah kerana amalan tersebut telah menyempurnakan keperluan masyarakat dan menggugurkan kewajipan menghafaz terhadap seluruh masyarakat Islam.

Pendidikan tahfiz al-Quran berkembang begitu pesat di Malaysia disebabkan permintaan masyarakat dan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan menghafaz al-Quran. Keberkesanan sistem pengajaran dan pembelajaran sekolah tahfiz telah terbukti apabila telah melahirkan ramai Huffaz al-Quran di Malaysia, yang menabur bakti terhadap anak bangsa dan tidak kurang juga dalam kalangan mereka yang memegang jawatan yang tinggi dan penting dalam perkhidmatan kerajaan. Kejayaan mereka ini sudah semestinya bertitik tolak dari pendidikan yang mereka terima semasa di sekolah tahfiz dan ia sangat berkait rapat dengan kurikulum yang mereka pelajari di sekolah tersebut.



2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Pertumbuhan institusi atau pusat tahfiz al-Quran yang semakin bertambah dari semasa ke semasa telah membuktikan bahawa masyarakat Islam di Malaysia pada hari ini begitu mementingkan pendidikan tahfiz ini. Gagasan kerajaan “satu keluarga satu hafiz al-Quran“ disambut baik oleh masyarakat. Di Malaysia, institusi tahfiz ini bukan hanya dibangunkan oleh kerajaan, malah ia turut dibangunkan oleh agensi-agensi swasta dan persendirian. Boleh dikatakan semua kerajaan negeri di seluruh Malaysia mempunyai institusi pengajian tahfiz sendiri, sementara lebih 1000 buah dibangunkan oleh agensi swasta dan persendirian. (Abd Ghani et.al, 2011).

Negeri Johor juga merupakan sebuah negeri yang mempunyai banyak institusi tahfiz persendirian atau swasta. Mengikut data yang diperolehi dari Jabatan Agama Islam Johor (2021), ada terdapat 101 buah institusi yang berdaftar di bawah Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ), iaitu 32 buah di Johor Bahru, 15 buah di Muar, 12 buah di Batu Pahat, 10 buah di Kluang, 6 buah di Kota Tinggi, 4 buah di Kulai, 3 buah di Mersing, 4 buah di Pontian, 7 buah di Segamat dan 8 buah di Tangkak. Berdasarkan tinjauan yang penulis lakukan, masih terdapat banyak lagi institusi tahfiz yang tidak berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Johor. Ini mungkin di sebabkan institusi tersebut masih lagi baru beroperasi atau dalam proses kelulusan JAIJ sendiri.

Kajian ini melihat tiga aspek utama dalam pengajian tahfiz iaitu pelaksanaan kurikulum yang digunakan, kaedah hafazan yang diamalkan serta pencapaian kurikulum sesebuah institusi tahfiz tersebut.

3.0 PERNYATAAN MASALAH

Perkembangan pengajian tahfiz di Malaysia kebanyakan negeri bergerak dengan haluan sendiri berdasarkan kemunculan sekolah tahfiz swasta dan sekolah tahfiz rakyat. Akibatnya setiap negeri atau pengusaha tahfiz terlalu bebas memakai mana-mana kurikulum dan kaedah pengajaran dari mana-mana negara mengikut rasa dan latar belakang pendidikan individu guru berkenaan (Hashim, 2010). Ini menyebabkan guru tahfiz mengajar berdasarkan pengalaman mereka tanpa mengikut kaedah yang tertentu. Oleh yang demikian sistem pengajian yang dilaksanakan tidak berpandukan kepada kaedah pengajaran yang khusus dan teratur (Abd Aziz 2018 & Riduan 2000).

Kebanyakan guru yang berkhidmat di sekolah tahfiz mendapat pendidikan melalui sistem yang sama mereka lalui dan mereka tidak mendapat latihan mengajar secara formal. Faktor ini menjadikan mereka kurang mendapat latihan untuk melaksanakan kurikulum dengan sebaiknya.

Kebanyakan guru juga menerima gaji atau elaun yang sangat kurang dan tidak mencukupi, terutamanya bagi mereka yang telah berkeluarga. Ini sedikit sebanyak mengundang kepada keterbatasan komitmen yang sepatutnya mereka berikan, kerana mereka sudah pasti dari semasa ke semasa akan mencari institusi-institusi lain yang boleh menawarkan gaji yang lebih menarik (Abd Ghani, 2011).

Walaupun kurikulum yang diguna pakai di sekolah-sekolah tahfiz sukatananya agak tinggi, namun pelaksanaannya kurang teratur dan lebih ditumpukan kepada aspek ukhrawi ilmu agama sahaja. Oleh



yang demikian pelajar-pelajar tahfiz agak ketinggalan dalam bidang akademik kerana menganggap ia lebih kepada duniawi, sedangkan bidang akademik juga perlu diberi keutamaan bagi menghadapi arus pendidikan negara yang semakin mencabar.

Metode pembelajaran tahfiz yang diamalkan di sekolah-sekolah tahfiz persendirian kebiasaannya berbeza sama sekali dengan metode pembelajaran yang diamalkan di sekolah-sekolah tahfiz kerajaan. Di sekolah-sekolah tahfiz persendirian, kebiasaan guru-guru hanya duduk dihadapan membaca teks yang menjadi sukatan pelajaran, sementara para pelajar hanya mendengar dan sekali sekala bertanya, sedangkan metode pembelajaran yang diamalkan pada masa kini mempunyai pelbagai metode, teknik dan strategi yang tertentu bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan berjalan dengan baik dan mencapai objektif yang diharapkan. (Abd Ghani, 2011)

Pelajar lepasan tahfiz dilihat kurang berpeluang untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi di sebabkan tiadanya pengiktirafan dan tidak memenuhi syarat-syarat daripada institusi kerajaan. Pengiktirafan sesuatu institusi itu banyak bergantung kepada kekuatan yang ada pada kurikulum yang dilaksanakannya. (Abd Ghani, 2011)

4.0 OBJEKTIF KAJIAN

1. Menenalpasti bentuk kurikulum yang diamalkan di institusi tahfiz persendirian di negeri Johor.
2. Menganalisis kaedah pelaksanaan kurikulum sekolah-sekolah tahfiz persendirian di negeri Johor.

5.0 PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah bentuk kurikulum di institusi tahfiz persendirian negeri Johor?
2. Bagaimanakah kaedah pelaksanaan kurikulum sekolah-sekolah tahfiz persendirian di negeri Johor?

6.0 KAJIAN TERDAHULU

Telah banyak kajian yang dilakukan berkaitan dengan kurikulum tahfiz. Kebanyakan menjurus kepada pelaksanaan kurikulum tahfiz al-Quran. Antara kajian-kajian yang berkaitan dengan kajian yang penulis lakukan ini ialah sebuah artikal yang bertajuk “Keperluan Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan Malaysia” (Haron, 2019). Kajian ini menilai bentuk proses pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kurikulum tahfiz al-Quran modul Ulul Albab yang merangkumi mata pelajaran Maharat al-Quran dan Hifz al-Quran terhadap murid-murid Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat penambahbaikan yang perlu dilakukan terhadap kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab ke arah memartabatkan pendidikan tahfiz negara.

Abdullah (2016) dalam artikel yang bertajuk Pelaksanaan Mata Pelajaran Hifz Al-Quran Berdasarkan Kurikulum Tahfiz Ulul Albab : Kajian Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur. Kajian ini cuba menenalpasti cara pelaksanaan mata pelajaran Hifz Al-Quran berdasarkan kurikulum Tahfiz



Ulul Albab, terhadap murid-murid di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur. Dapatan kajian menunjukkan bahawa objektif penawaran mata pelajaran ini, keperluan dan kesesuaiannya berdasarkan kurikulum model Ulul Albab berada pada tahap tinggi. Ia bermaksud, pelaksanaannya sangat bertepatan dan sesuai dengan keperluan masa kini.

Satu kajian yang dilakukan oleh Abd Razak (2020) yang bertajuk “Isu Pendidikan Guru Tahfiz ; Pengetahuan Pedagogi Dan Amalan Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Di Pusat Tahfiz Persendirian Di Selangor. Kajian ini membincangkan mengenai isu pedagogi dan amalan guru tahfiz al-Quran ketika proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan. Dapatan kajian mendapati bahawa guru tahfiz kurang mahir mengenai aspek pedagogi ketika mereka melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran. Ini di sebabkan kurangnya latihan yang diterima, sebaliknya mereka hanya fokus terhadap kandungan mata pelajaran yang mereka ajarkan. (Mohd Salleh 2011).

Kajian yang dilakukan oleh Abd Ghani (2013) yang bertajuk “Amalan Kaedah Hafazan Al-Quran Di Darul Quran JAKIM” telah membincangkan mengenai beberapa kaedah yang sesuai digunakan dalam penghafazan al-Quran. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar-pelajar Darul Quran telah mengamalkan pelbagai kaedah dalam menghafaz al-Quran seperti kaedah amalan *talaqqi* dan *musyafahah*, *takrir*, *tahsin*, tafsiran dan menulis, chunking, minda fotografi, multimedia dan adab menghafaz. Dapatan kajian juga mendapati bahawa masalah dan cabaran utama dalam hafazan ialah aspek dalaman, ibubapa, guru dan rakan, masa, aktiviti dan akademik serta persekitaran dan pemakanan.

7.0 KEPENTINGAN / FAEDAH PENYELIDIKAN

Penyelidikan ini akan memberikan dapatan yang sangat baik terhadap perkembangan sekolah-sekolah tahfiz persendirian khususnya di negeri Johor kerana pihak pengurusan sekolah tahfiz akan mendapat gambaran keseluruhan mengenai kurikulum yang dilaksanakan di sekolah-sekolah mereka, sama ada yang berkaitan cara mereka menguruskan kurikulum tersebut, keberkesanan serta permasalahan yang mungkin mereka hadapi. Beberapa cadangan yang akan dikemukakan juga akan dapat dijadikan panduan kepada pihak pengurusan institusi tahfiz untuk melakukan penambahbaikan, agar pelaksanaan kurikulum yang mereka jalankan benar-benar mantap dan menepati arus pendidikan negara masa kini.

8.0 METODOLOGI KAJIAN

Untuk menghasilkan kajian yang sempurna, penggunaan metodologi yang sesuai amat perlu dalam sesuatu kajian ilmiah. Pemilihan metodologi kajian dibuat berdasarkan kepada tajuk, latar belakang permasalahan, tujuan dan objektif kajian. Dalam kajian ini penyelidik menggunakan metode *exploratory* melibatkan kajian perpustakaan (*library*) dan metode kajian lapangan (*field research*). Metode kajian perpustakaan digunakan sebagai teorikal asas perbincangan awal berkaitan sejarah kewujudan sekolah-sekolah tahfiz serta perkembangannya di negeri Johor khususnya dan di Malaysia umumnya. Dapatan hasil kajian akan dimuatkan dalam bab dua. Penggunaan metode soal selidik merupakan instrumen penting bagi mendapatkan data dalam kajian ini.

Penyelidik mengedarkan satu set borang soal selidik kepada 25 orang mudir atau pentadbir di 25 buah institusi. Responden atau intitusi yang terlibat ini adalah dipilih secara rawak semasa proses pengumpulan data ini dilakukan. Dari jumlah 25 buah institusi itu, hanya 19 buah sahaja yang mengembalikan set borang soal selidik tersebut. Data-data yang diperolehi diproses menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 16.0.



8.0 ANALISIS DAPATAN KAJIAN

8.1 Profil Sampel

Penyelidik telah menggunakan kaedah pengumpulan data berbentuk kuantitatif iaitu soal selidik untuk mendapatkan maklumat mengenai kajian ini. Profil sampel bagi kajian ini merujuk kepada tiga perkara utama iaitu demografi responden, mengenalpasti bentuk kurikulum tahfiz dan mengenalpasti kaedah pelaksanaan kurikulum tahfiz.

8.2 Demografi Responden

Terdapat lima aspek yang dikaji berkaitan dengan demografi responden iaitu jumlah, umur, kelayakan akademik, jawatan dan gaji/elaun guru seperti yang ditunjukkan di dalam jadual di bawah :

Jadual 1: *Maklumat demografi responden*

	PEMBOLEHUBAH	N	%
Jumlah Guru	Lulusan dalam negara	18	94.7
	Lulusan luar negara	1	5.3
Jumlah		19	100.0
Umur	Bawah 20 Tahun	3	15.8
	20 - 30 Tahun	8	42.1
	31 - 40 Tahun	8	42.1
Jumlah		19	100.0
Kelayakan Akademik	Ijazah Sarjana Muda	3	15.8
	DIPLOMA	4	21.1
	Sijil	10	52.6
	Lulusan lain-lain	2	10.5
Jumlah		19	100.0
Jawatan Guru	Jawatan tetap	14	73.7
	Jawatan kontrak	4	21.1
	Jawatan sementara	1	5.3
Jumlah		19	100.0
Gaji/Elaun Guru	Bawah 1000	4	21.1
	1001 - 2000	15	78.9
Jumlah		19	100.0

Jadual 1 di atas menunjukkan profil sampel mengikut jumlah guru, jumlah umur. Kelayakan akademik, jawatan dan gaji/elaun guru. Pecahan dan analisis dapatan sepertimana yang ditunjukkan dibawah.

Jadual 2 : *Profil Sampel Mengikut Jumlah Guru*

Jumlah Guru	N	%
-------------	---	---



Lulusan dalam negara	18	94.7
Lulusan luar negara	1	5.3
JUMLAH	19	100.0

Berdasarkan Jadual 2 di atas menunjukkan taburan responden berdasarkan jumlah dan lulusan guru. Seramai 18 orang (94.7%) adalah lulusan dalam negara manakala seorang (5.3%) adalah lulusan luar negara. Ini menunjukkan bilangan responden lulusan dalam negara lebih ramai berbanding lulusan luar negara.

Jadual 3 : *Profil Sampel Mengikut Umur*

Umur	N	%
Bawah 20 Tahun	3	15.8
21 – 30 Tahun	8	42.1
31 – 40 Tahun	8	42.1
JUMLAH	19	100.0

Berdasarkan Jadual 3 di atas menunjukkan taburan responden berdasarkan umur. Seramai 3 orang (15.8%) berumur bawah 20 tahun dan 8 orang (42.1%) berumur antara 21 hingga 30 tahun. Manakala seramai 8 orang (42.1%) yang berumur antara 31 hingga 40 tahun.

Jadual 4 : *Profil Sampel Mengikut Kelayakan Akademik*

Kelayakan Akademik	N	%
Ijazah Sarjana Muda	3	15.8
DIPLOMA	4	21.1
Sijil	10	52.6
Lulusan lain-lain	2	10.5
JUMLAH	19	100.0

Berdasarkan Jadual 4 di atas menunjukkan taburan responden berdasarkan kelayakan akademik. Daripada jumlah ini seramai 3 orang (15.8%) daripada lepasan Ijazah Sarjana Muda. Manakala seramai 4 orang (21.1%) daripada lepasan DIPLOMA dan 10 orang (52.6%) daripada lepasan sijil. Manakala seramai 2 orang (10.5%) daripada lulusan lain-lain.

Jadual 5 : *Profil Sampel Mengikut Jawatan Guru*

Jawatan Guru	N	%
Jawatan tetap	14	73.7
Jawatan kontrak	4	21.1
Jawatan sementara	1	5.3
JUMLAH	19	100.0

Berdasarkan Jadual 5 di atas menunjukkan taburan responden berdasarkan jawatan guru. Daripada jumlah ini, didapati seramai 14 orang (73.7%) guru yang berjawatan tetap, 4 orang (21.1%) guru yang berjawatan kontrak dan 1 orang (5.3%) guru yang berjawatan sementara.



Jadual 6 : Profil Sampel Mengikut Gaji/Elaun Guru

Gaji / Elaun Guru	N	%
Bawah RM1000	4	21.1
RM1001 - RM2000	15	78.9
JUMLAH	19	100.0

Berdasarkan Jadual 6 di atas menunjukkan taburan responden berdasarkan gaji/elaun guru. Seramai 4 orang (21.1%) guru yang gaji/elaun mereka bawah RM2000 dan 15 orang (78.9%) guru yang gaji/elaun mereka antara RM1001 hingga RM2000.

8.3 Mengenalpasti Bentuk Kurikulum Tahfiz

Jadual 7 di bawah menunjukkan dapatan bagi mengenalpasti bentuk kurikulum tahfiz yang terdapat di negeri Johor.

Jadual 7 : Bentuk Kurikulum Tahfiz

Kod Item	Item	Kekerapan & Peratus					Min	Sp.	Interpretasi
B1	Bentuk pengajian yang dilaksanakan	6 (31.6)	3 (15.8)	7 (36.8)	3 (15.8)	0 (0.0)	2.37	1.12	Sederhana Rendah
B2	Bentuk kurikulum hafazan yang dilaksanakan	7 (36.8)	6 (31.6)	3 (15.8)	1 (5.3)	2 (10.5)	2.21	1.32	Sederhana Rendah
B3	Tempoh tamat pengajian hafazan	2 (10.5)	12 (63.2)	5 (26.3)	0 (0.0)	0 (0.0)	3.16	0.60	Tinggi
B4	Bahasa pengantar yang digunakan	12 (63.2)	5 (26.3)	2 (10.5)	0 (0.0)	0 (0.0)	1.47	0.70	Rendah
B5	Penggubal kurikulum Tahfiz	4 (21.1)	4 (21.1)	5 (26.3)	6 (31.6)	0 (0.0)	2.68	1.16	Sederhana Rendah
B6	Jangka masa semakan semula kurikulum Tahfiz	13 (68.4)	4 (21.1)	2 (10.5)	0 (0.0)	0 (0.0)	1.53	0.96	Rendah
B7	Syarat pengambilan pelajar	6 (31.6)	4 (21.1)	5 (10.5)	4 (21.1)	0 (0.0)	2.37	1.16	Sederhana Rendah
	Keseluruhan						2.27	0.50	Sederhana Rendah



Terdapat tujuh item yang dikaji iaitu bentuk pengajian yang dilaksanakan, bentuk kurikulum hafazan yang dilaksanakan, tempoh tamat pengajian hafazan, bahasa pengantar yang digunakan, penggubal kurikulum tahfiz, jangka masa semakan semula kurikulum tahfiz dan syarat pengambilan pelajar. Dapatan menunjukkan bahawa terdapat satu Item sahaja yang mendapat nilai min tinggi iaitu pada item B3 “Tempoh tamat pengajian hafazan” dengan nilai min=3.16 (sp.=0.60)

Terdapat empat item yang berada pada tahap sederhana rendah iaitu pada item B1 “Bentuk pengajian yang dilaksanakan” dengan nilai min=2.37 (sp.=1.12), kemudian pada item B2 “Bentuk kurikulum hafazan yang dilaksanakan” dengan nilai min=2.21 (sp.=1.32). Selain itu, pada item B5 “Penggubal kurikulum Tahfiz” dengan nilai min=2.68 (sp.=1.16) dan pada item B7 “Syarat pengambilan pelajar” dengan nilai min=2.37 (sp.=1.16).

Seterusnya terdapat dua item yang berada tahap interpretasi yang rendah iaitu pada item B4 “Bahasa pengantar yang digunakan” dengan nilai min=1.47 (sp.=0.70) dan pada item B6 “Jangka masa semakan semula kurikulum Tahfiz” dengan nilai min=1.53 (sp.=0.96). , manakala item yang memperoleh nilai min yang paling rendah adalah pada item B4 “Bahasa pengantar yang digunakan” dengan nilai min=1.47 (sp.=0.70). Nilai min keseluruhan bagi mengenalpasti bentuk kurikulum Tahfiz berada pada tahap sederhana rendah iaitu 2.27 (sp.=0.50).

8.4 Mengenalpasti Kaedah Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz

Jadual 8 di bawah menunjukkan dapatan berkenaan mengenalpasti kaedah pelaksanaan kurikulum tahfiz.

Jadual 8 : Kaedah Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz

Kod Item	Item	Kekerapan & Peratus					Min	Sp.	Interpretasi
C1	Kaedah hafazan yang diamalkan oleh pelajar	6 (31.6)	6 (31.6)	1 (5.3)	3 (15.8)	3 (15.8)	2.58	1.61	Sederhana Rendah
C2	Kaedah murajaah yang diamalkan oleh pelajar.	2 (10.5)	6 (31.6)	8 (42.1)	1 (5.3)	2 (10.5)	3.00	1.25	Sederhana Rendah
C3	Kaedah penilaian terhadap pelajar	3 (15.8)	12 (63.2)	1 (5.3)	3 (15.8)	0 (0.0)	2.21	0.92	Sederhana Rendah
C4	Masa penilaian terhadap pelajar	7 (36.8)	4 (21.1)	5 (26.3)	3 (15.8)	0 (0.0)	2.21	1.13	Sederhana Rendah
C5	Kaedah penyampaian guru	7 (36.8)	6 (31.6)	6 (31.6)	0 (0.0)	0 (0.0)	1.95	0.85	Rendah
	Keseluruhan						2.39	0.64	Sederhana Rendah



Terdapat lima item yang dikaji iaitu kaedah hafazan yang diamalkan oleh pelajar, kaedah muraja'ah yang diamalkan oleh pelajar, kaedah penilaian terhadap pelajar, masa penilaian terhadap pelajar dan kaedah penyampaian guru. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tiada terdapat item yang mendapat nilai skor min pada tahap tinggi,

Terdapat empat item yang mendapat nilai skor min sederhana rendah iaitu pada item C1 "*Kaedah hafazan yang diamalkan oleh pelajar*" dengan nilai min=2.58 (sp.=1.61), kemudian pada item C2 "*Kaedah murajaah yang diamalkan oleh pelajar*" dengan nilai min=3.00 (sp.=1.25). Seterusnya, pada item C3 "*Kaedah penilaian terhadap pelajar*" dengan nilai min=2.21 (sp.=0.92) dan pada item C4 "*Masa penilaian terhadap pelajar*" dengan nilai min=2.21 (sp.=1.13).

Seterusnya terdapat satu item yang mendapat nilai min paling rendah iaitu item C5 "*Kaedah penyampaian guru*" dengan nilai min=1.95 (sp.=0.85). Nilai min keseluruhan bagi mengenalpasti kaedah pelaksanaan kurikulum tahfiz adalah berada tahap sederhana rendah iaitu dengan nilai min=2.39 (sp.=0.64).

9.0 KESIMPULAN

Sebagai rumusannya terdapat dua objektif utama yang ingin dicapai dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa daripada dua objektif tersebut, semuanya berada pada tahap interpretasi yang kurang memuaskan iaitu sederhana rendah. Dua objektif tersebut ialah mengenalpasti bentuk kurikulum tahfiz dan menganalisis kaedah pelaksanaan kurikulum tahfiz.

Analisis keseluruhan mendapati bahawa bentuk dan kaedah pelaksanaan kurikulum di negeri Johor berada pada tahap yang kurang memuaskan. Daripada tujuh item yang dikaji berkaitan bentuk kurikulum tahfiz, hanya satu item sahaja yang berada pada tahap memuaskan, sementara daripada lima item yang dikaji berkaitan kaedah pelaksanaan kurikulum tahfiz, tiada satu pun yang berada pada tahap memuaskan. Justeru itu, kajian ini mendapati bahawa kerajaan negeri Johor melalui persatuan tahfiz negeri perlu melakukan sesuatu agar kurikulum tahfiz di negeri Johor ini dapat berdaya saing seiring dengan perkembangan semasa pendidikan tahfiz di Malaysia.



RUJUKAN

- Abd Ghani. A. R., (2013). *Amalan Kaedah Hafazan Al-Quran Di Darul Quran*. Projek penyelidikan Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Abd Ghani. A. R., (2011). *Pengurusan Institusi Tahfiz Persendirian Di Negeri Selangor*. Projek penyelidikan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Mohd Salleh. A., (2011). *Kurikulum, Metodologi dan pedagogi pengajian Islam. Edisi kedua, KPLI Pengajian Islam dan j-QAF, Siri Pendidikan Guru Oxford Fajar Sdn Bhd.*
- Hashim, A., Tamuri. Ab. H., dan Jemali. M., (2003). *Latar Belakang Guru Tahfiz Dan Amalan Kaedah Pengajaran Tahfiz Al-Qur'an Di Malaysia*. The Online Journal of Islamic Education. January 2013, Vol. 1 Issue 1. <http://ejournal.uin-suka.ac.id>
- JHasanuddin. J., (2003). *Kertas Kerja: Kaedah Al-Barqy Dalam Pengajaran Al-Qur'an. Seminar Kaedah Pengajaran Tahfiz Al-Qur'an Peringkat Kebangsaan Anjuran Fakulti Pengajian Al-Qur'an Dan Sunah*. Kolej Universiti Islam Malaysia. 17 Mei.
- Riduan. J., (2000). *Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Al-Qur'an*. Pustaka Salam.
- Haron, M. Z., Othman, M. K. H., & Awang, M. I. (2019). Technology-assisted teaching aids in teaching and learning: Evidence from the Malaysian Tahfiz Ulul Albab Model (TMUA). *International Journal of Innovative Technology and Exploring Engineering*, 8(12), 4401-4404.
- Abdullah, N. (2016). *Pelaksanaan Mata Pelajaran Hifz Al-Quran Berdasarkan Kurikulum Tahfiz Ulul Albab : Kajian Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur*. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Doctoral thesis.
- Abd Razak, S. R., (2020). *Isu Pendidikan Guru Tahfiz ; pengetahuan Pedagogi Dan Amalan Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Di Pusat Tahfiz Persendirian Di Selangor*. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Penyelidikan Ijazah Sarjana.
- Abd Aziz, W. M., (2018). *Pengurusan Maahad Tahfiz Al-Quran: Pengalaman Darul Quran*. Kertas kerja pembentangan Seminar Al-Quran. Kaedah Hafazan Al-Quran Model Malaysia. Kuala Kubu Baharu : Darul Quran.



RUJUKAN

- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah dan statistik penyelidikan. Malaysia*: Mc. Graw Hill Sdn Bhd.
- Coleman, M. G.-J., & Middlewood, D. (2003). *Managing The curriculum in South Africans Schools*. London: Commonwealth Secretariat.
- Creswell, J. W. (1998). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Traditions*. California CA: SAGE Publication Inc.
- Gall, M. D., Gall, J. P., & Borg, W. R. (2003). *Educational research: An introduction (7th ed.)*. Boston: Allyn & Bacon.
- Hashim, A. (2010). *Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz al-Quran di Darul Quran Jakim dan Maahad Tahfiz al-Quran Negeri*. (Published Doctoral thesis). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hayati, N. N. (2015, August). Faktor keberkesanan pengajaran dan pembelajaran kemahiran berfikir aras tinggi abad ke 21 bagi pelajar sains. *Seminar Kebangsaan Majlis Dekan-Dekan Pendidikan Universiti Awam Malaysia 2015*. 14-15 September 2015. Universiti tun Hussein Onn Malaysia.
- Ismail, S. (2016). *Institusi Tahfiz di Malaysia: Prospek dan Cabaran*. *Simposium Antarabangsa Tahfiz. Institut Latihan Islam (ILIM) Bangi*. 23-24 November 2016.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21)*.
- Lebar, O., (2006). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metod*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mahfuz, N., (1985). The key teacher strategy of implementating a curriculum in Malaysian school. *Jurnal Pendidikan*, 8, 3-15.
- Md Nawi, N. H., Yusuff, N. A., Che Yaacob, M. B., Salleh, N. H., (2014). Matlamat Dan Halatuju Sistem Pengajian Tahfiz Di Kelantan: Satu Pengamatan Awal. *4th International Conference and Exhibition on Islamic Education*. 1-15.
- Morphet, E., Johns, R., & Reller, T. (1982). *Educational Organizational and Administration: Concepts, Practices and Issues*, Prentice-Hall. Englewood Cliff: New Jersey.
- Patton, M. Q., (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods*. Edisi ke-2. Newbury Park, CA: Sage Publications.
- Wan Ezielia, W. (2014). *Pelaksanaan Pengurusan Kurikulum Dalam Kalangan Guru-Guru Sekolah Menengah Kluster Daerah Johor Bahru* (Unpublished master's thesis). Universiti Teknologi Malaysia.
- Yahaya, M., Rasheed, Z. Z., Selamat A. F., (2018). Isu Dalam Pendidikan Tahfiz: Satu Analisis Kelebihan Menghafaz al-Quran. *e-Proceeding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan PASAK3 2018*. 141-148.
- Yahaya, M., 2017. *Penilaian Program Tahfiz Ulul Albab di Maktab Rendah Sains Mara* (Unpublished master's thesis). Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Yin, R. K., (1994). *Case Study Research Design and Methods: Applied Social Research and Methods Series*. 2nd edition. Thousand Oaks, CA: Sage Publications Inc